

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan untuk melengkapkan masyarakat luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak, dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi Revolusi Industri ke-4.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan modal insan luar bandar merupakan salah satu agenda utama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Ini dapat dilihat melalui Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB) yang telah dilancarkan pada 27 Jun 2019 yang lalu, di mana pembangunan modal insan dijadikan salah satu daripada 10 teras utama DPLB.
2. Salah satu strategi yang digariskan di bawah Teras Modal Insan, DPLB adalah untuk melengkapkan masyarakat luar bandar dengan kemahiran yang diperlukan untuk Revolusi Industri Keempat. Dalam hal ini, KPLB sedang meneliti beberapa langkah dan cadangan program baharu untuk dilaksanakan yang akan

NO. SOALAN : 13

menyediakan masyarakat luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak untuk menghadapi IR 4.0.

3. Di antara langkah yang digariskan adalah mengadakan sesi sebar luas mengenai IR4.0 kepada masyarakat luar bandar serta mengadakan latihan termasuk secara *e-learning* untuk menyiapkan penduduk luar bandar bagi menghadapi IR4.0.

4. Kualiti pendidikan di institusi TVET di bawah KPLB juga akan ditingkatkan supaya bersedia menghadapi keperluan IR4.0 termasuklah dari segi tenaga pengajar, modul pembelajaran/ latihan serta peralatan. KPLB juga akan meneliti cadangan kerjasama dengan pihak swasta untuk memberi pendedahan terutamanya kepada usahawan belia luar bandar bagi meningkatkan persediaan untuk menghadapi IR4.0.

5. Selain itu, selaras dengan objektif Teras Prasarana, DPLB 2030 bagi penyediaan prasarana yang lengkap di luar bandar, KPLB akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menyediakan infrastruktur yang bersesuaian untuk masyarakat luar bandar menghadapi IR4.0. Ini adalah termasuk penyediaan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar, terutamanya di premis-premis KPLB seperti Pusat Komuniti Desa.